

27/03/2001

Cadangan usia bersara 60 tahun dapat reaksi berbeza

KUALA LUMPUR, Isnin - Cadangan Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) supaya melanjutkan usia persaraan kepada 60 tahun menerima reaksi berbeza daripada pelbagai pihak.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) N Siva Subramaniam, berkata tuntutan usia 60 tahun itu tidak perlu dibangkitkan lagi.

Siva berkata, ini kerana penetapan usia 56 tahun sebagai usia bersara wajib, termasuk kepada pensyarah sudah diterima selepas berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 14 Mac lalu.

Selain itu, beliau berkata, usia berkenaan memadai kerana dapat menyeimbangkan kehendak serta pasaran kerja sektor awam.

"Kita tidak mahu ia menyekat usaha kerajaan mengambil pekerja baru dalam sektor awam. Kita perlu mengutamakan kepentingan negara sebelum memikirkan kepentingan pekerja," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan PPKM yang meminta usia bersara bagi kakitangan awam, terutama pensyarah universiti ditetapkan pada 60 tahun.

PPKM mendakwa, pensyarah terpaksa meluangkan banyak masa membuat penyelidikan dan menjadi satu kerugian kepada universiti kerana akan kehilangan tenaga pengajar yang berpengalaman sebelum sempat mencurahkan ilmu.

Selain itu, Siva berkata, kerajaan ketika ini tidak dapat memenuhi kehendak Cuepacs serta NGO lain untuk melanjutkan usia persaraan walaupun cadangan itu memberi manfaat kepada kakitangan awam.

Sementara itu, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr Abdul Latif Ahmad, berkata kerajaan perlu menilai beberapa perkara termasuk keperluan, tahap produktiviti, kemampuan serta kekosongan jawatan.

Katanya, sekiranya kerajaan mengekalkan ramai kakitangannya, pengambilan pekerja baru terpaksa dihadkan untuk mengelak lebih pekerja dan menjimatkan perbelanjaan.

Seorang bekas pensyarah bahasa Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Taha Abdul Kadir bagaimanapun bersetuju dengan cadangan PPKM.

Katanya, cadangan melanjutkan usia bersara memberi peluang kepada pensyarah mencurahkan ilmu kepada penuntut berdasarkan pengalaman serta kajian yang pernah dilakukan mereka.

"Pensyarah sebagai pengajar, pengkaji serta penyelidik memerlukan masa antara lima hingga 10 tahun bagi melakukan kajian dan penyelidikan.

"Adalah merugikan sekiranya kepakaran serta pengalaman yang diperolehi itu tidak dapat disampaikan kepada pelajar kerana terpaksa bersara," katanya.

(END)